

Bahasa Melayu dalam warkah Melayu terpilih

ABSTRACT

Kajian ini menganalisis aspek-aspek linguistik yang terdapat dalam warkah Melayu terpilih (WMT) yang terdiri daripada lapan pucuk warkah yang ditemui dalam abad ke-16 hingga abad ke-19. Data diperoleh daripada *The Legacy of the Malay Letter (Warisan Warkah Melayu)* (1994) yang diusahakan oleh Annabel Teh Gallop dari 'British Library', London. Kajian mikro ini berdasarkan pendekatan diakronik yang melihat ciri-ciri linguistik tentang sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata. Pada keseluruhannya, hasil kajian telah menunjukkan bahawa: (i) Wujudnya persamaan dan perbezaan dalam sistem pengejaan Jawi, morfologi dan perbendaharaan kata dalam WMT, dan (ii) WMT telah memberi satu gambaran penting tentang penggunaan bahasa Melayu dalam empat zaman.

Keyword: Malay language; Languages